

Penyampai : TAN SRI ABDUL HALIM BIN ALI
Tajuk : SISTEM INFRASTRUKTUR KEBANGSAAN BAGI MAKLUMAT TANAH (NALIS)
Lokasi : PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA
Tarikh : 22-09-1997

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak penganjur kerana menjemput saya untuk melancarkan Sistem Infrastruktur Kebangsaan bagi Maklumat Tanah (NaLIS) pada pagi ini. Saya juga mengalu-alukan penganjuran Konvensyen NaLIS bagi menyokong perkongsian pelbagai maklumat tanah di antara agensi-agensi awam berkaitan Tanah.

2. Pembangunan pesat dan pengekaln pertumbuhan ekonomi negara yang mampan pada masakini bukanlah satu warisan, sebaliknya merupakan produk kepada kesungguhan dan kreativiti pemimpin negara serta sokongan mantap pelbagai komponen dalam jentera Perkhidmatan Awam dan sektor swasta. Proses globalisasi dan kecanggihan infrastruktur informasi, berkehendakkan negara memperkasakan daya saingan bagi memperolehi bahagian dalam pasaran antarabangsa dan sumber modal pelaburan dan memenuhi tanggungjawab memberi perkhidmatan yang berorientasikan pelanggan. Menyedari cabaran dan peluang yang teretus daripada gelanggang environmen yang dinamis, penggunaan teknologi maklumat (IT) dalam semua aspek pengurusan awam adalah mendesak dan perlu disegerakan pelaksanaannya. Justeru itu, agenda IT negara menerusi pembangunan Koridor Raya Multimedia (MSC) dan pelaksanaan Kerajaan Elektronik menjadi amat penting dalam jentera Perkhidmatan Awam.

3. Pengurusan tanah yang cekap dan efisien merupakan di antara syarat yang boleh menjadi tarikan utama kepada komuniti perniagaan untuk terus menggalakkan pelaburan dan mempergiatkan pertumbuhan ekonomi negara. Pentadbiran tanah yang baik dan efektif, dapat menghindari pelbagai gejala dan tanggapan negatif dalam pengurusan tanah seperti amalan rasuah, pilih kasih dan kelewatan dan masa yang panjang untuk meluluskan permohonan tanah daripada orang ramai.

Ketidakecapan pentadbiran tanah melibatkan pertambahan kos pengurusan kepada pelanggan dari segi masa dan kewangan, di samping kemungkinan kelewatan dan kegagalan terus pelaksanaan projek-projek pembangunan.

4. Kerajaan sebenarnya telah meletakkan asas undang-undang yang kukuh mengenai pengurusan tanah, seperti Kanun Tanah Negara dan Akta Pengambilan Tanah. Langkah-langkah penambahbaikan terus diusahakan tanpa henti, dengan terkeluarnya Akta Perancang Bandar dan Desa dan Akta Kualiti Alam Sekitar. Pelbagai undang-undang, dasar dan peraturan berhubung pengurusan tanah telah diwujudkan. Namun demikian beberapa kelemahan masih dilihat dalam pengurusan tanah.

Negara masih dilanda dan bayangi oleh beberapa tragedi besar yang mengorbankan ramai nyawa seperti; Highland Tower, tanah runtuh di Genting Highland dan insiden banjir di Pos Dipang, Perak. Di samping itu, tanah-tanah milik Kerajaan terus dicerobohi secara berleluasa oleh pendatang-pendatang asing dan penduduk tempatan melalui pembukaan tanah-tanah di pinggir dan di luar bandar secara haram, pembalakan secara haram, penempatan setinggian dan pelbagai aktiviti ekonomi di atas tanah-tanah milik Kerajaan tanpa kebenaran pihak berkuasa berkenaan. Keadaan yang berlaku amat jelas mempamerkan beberapa kelemahan termasuk kelemahan penguatkuasaan dan kawalan. Bagi mengatasi masalah ini, tindakan yang lebih tegas harus segera diambil oleh Pegawai-pegawai Daerah dan Pentadbir-pentadbir Tanah ke atas mereka yang melanggar peraturan-peraturan yang telah ditetapkan. Saya ingin menegaskan bahawa Pegawai-pegawai Daerah mestilah melaksanakan tanggungjawab ini dengan lebih komited dan bersungguh-sungguh lagi dalam membanteras masalah yang semakin menular dan menjadi serius sejak akhir-akhir ini, di peringkat daerah masing-masing.

5. Urusan-urusan dan permohonan tanah yang semakin meningkat berikutan pertambahan penduduk negara dan perkembangan aktiviti sosio-ekonomi semasa, memerlukan pengubahsuaian dan penyesuaian semula ke atas fungsi dan proses kerja pengurusan tanah. Menyedari pentingnya pentadbiran tanah dalam konteks agenda pembangunan negara dan dalam menghadapi cabaran-cabaran semasa, infrastruktur teknologi maklumat hendaklah segera digunakan secara meluas

sebagai satu mekanisme yang paling berkesan ke arah memantapkan kecekapan dan keupayaan pengurusan tanah di seluruh negara.

6. Pengwujudan Infrastruktur Kebangsaan bagi Maklumat Tanah atau National Infrastructure for Land Information System (NaLIS) yang menjadi realiti pada hari ini, adalah satu inisiatif dan pembaharuan yang amat membanggakan dan tepat pada masanya. Program ini berjaya melengkap dan menyatukan semua sistem pentadbiran tanah di seluruh negara dengan kemudahan-kemudahan yang diperlukan untuk membuat perancangan dan strategi pembangunan tanah yang lebih sistematik, pantas dan meyakinkan orang ramai. Tanah adalah satu sumber yang amat penting dan tidak dapat di tokok tambah. Oleh itu, sewajarnya segala pembangunan di atas tanah dibuat dengan rapi dan terancang supaya sumber alam semula jadi ini akan sentiasa dapat dipelihara.

7. Di masa-masa yang lampau, dalam suasana pembangunan yang begitu pesat dan penguatkuasaan yang tidak tegas, pihak pemaju telah mengabaikan peraturan dan syarat-syarat yang dikenakan. Akibatnya adalah tragedi-tragedi seperti bangunan dan tanah runtuh, hakisan dan banjir kilat yang sering berlaku. Ini memberi iktibar bahawa pembangunan di atas tanah perlu mengambil kira faktor alam sekitar dan kesesuaian tanah. Di atas kesedaran inilah, NaLIS ditubuhkan bagi memudahkan capaian atau access dan perolehan maklumat berkaitan tanah secara on-line dan terkini bagi tujuan keberkesanan pembangunan di atas tanah tersebut.

8. Di antara matlamat utama penubuhan NaLIS ialah perkongsian padu berhubung rangkaian maklumat tanah di antara pelbagai agensi Kerajaan yang ada kena mengena dengan urusan tanah, samada di peringkat persekutuan ataupun negeri. NaLIS dijangka akan mampu mewujudkan sistem pemulihan dan penambahbaikan yang amat efektif bagi menangani masalah pengurusan tanah di antaranya; kelewatan dan beban kerja yang tertunggak, ketidakcekapan penyelenggaraan rekod-rekod manual, maklumat bercanggah dan tidak kemaskini, kurang kemahiran dalam pengendalian tugas, kelewatan dalam urusan carian rasmi dan persendirian dan kerja remeh temeh yang banyak dan membebankan. Peningkatan keberkesanan pentadbiran tanah akan membolehkan penjimatan dalam kos perbelanjaan Kerajaan dan penyediaan informasi tanah yang lengkap dengan pantas saeerti yang diharapkan oleh pelanggan. Pentingnya sistem NaLIS telahpun ditekankan di dalam Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 1 Tahun 1997 yang dikeluarkan pada 2 Januari 1997. Dengan ini, Saya menggesa supaya semua agensi Kerajaan berkaitan tanah memberi kerjasama yang penuh dan komitmen yang tinggi bagi menjayakan NaLIS.

9. Saya yakin bahawa penubuhan NaLIS akan membawa negara kita ke era baru dalam pentadbiran tanah dan setaraf dengan negara-negara yang terkemuka dalam penggunaan teknologi maklumat terkini seperti Amerika Syarikat, Kanada Sweden dan Australia. Di bawah sistem ini, teknologi rangkaian atau networking, information superhighway dan data warehousing yang terbaru digunakan bagi mengurus maklumat-maklumat tanah yang banyak tersebar dan disimpan di pelbagai agensi dapat diperluaskan, menjangkau sempadan agensi dan negeri. Pembaharuan yang penting ialah, NaLIS membolehkan penggunaan data spatial (spatial data) di bawah Sistem Maklumat Geografi atau Geografic Information System secara meluas dan dikongsi bersama di antara agensi awam, berbanding teknologi dan aplikasi yang khusus dalam sistem-sistem propriety. Pendekatan ini ternyata dapat menjimatkan kos kepada agensi awam dan orang ramai.

10. Kaedah baru yang turut diperkenalkan melalui teknologi Web di bawah NaLIS ialah masyarakat rangkaian atau networking society, dalamana rujukan secara on-line di antara agensi tanah di Malaysia dan serata dunia, dapat dihasilkan dengan menggunakan Web Teknologi Internet. Dengan secara tidak langsung Wawasan negara, information rich society dan kecemerlangan Perkhidmatan Awam akan dapat dicapai.

11. Penggunaan teknologi yang canggih menerusi NaLIS akan dapat menyelesaikan masalah dan kesulitan mendapatkan maklumat tanah dengan pantas dan kemaskini. Namun demikian, sistem ini tidak mungkin dapat dioptimumkan penggunaan dan dimanafaati sepenuhnya, jika tidak disertai dengan kegigihan dan komitmen yang tinggi oleh semua pihak yang terlibat khususnya peringkat barisan atasan agensi. Perubahan budaya kerja ini memerlukan peralihan segera mind-set dan sikap anggot

Perkhidmatan Awam. Mereka harus mengamalkan sikap terbuka, berkongsi maklumat dan pengetahuan serta bersedia menerima perubahan yang berlaku dalam persekitaran kerja masing-masing. Mereka harus segera menjadi computer literate dan memiliki pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan dalam bidang teknologi maklumat. Pihak pengurusan agensi hendaklah mempercepatkan pelbagai program pendidikan dan latihan yang sistematik dalam bidang penggunaan peralatan dan perisian komputer. Sama penting ialah, pewujudan satu perkhidmatan kumpulan sokongan yang berkualiti bagi mengawasi rangkaian komputer dan maklumat yang terkandung di dalamnya. Langkah- langkah tersebut amat penting dirancang dan diusahakan segera untuk memastikan teknologi terkini dan mahal ini tidak akan tinggal sebagai barangan hiasan ruang pejabat sahaja. Sekali lagi, Saya menggesa supaya semua agensi berkaitan tanah samada di peringkat persekutuan, negeri atau pihak berkuasa tempatan memberikan kerjasama yang padu untuk menjayakan sistem peringkat nasional ini. Menyedari pentingnya infrastruktur NaLIS, semua Ketua Agensi berkaitan tanah adalah ditugaskan sebagai Penyelaras, bertanggungjawab dan akauntabel sepenuhnya bagi menjayakan program ini.

12. Saya ingin mengucapkan syabas kepada Jawatankuasa Penganjur Konvensyen NaLIS '97 kerana menganjurkan konvensyen ini. Saya berasa amat bangga negara kita Malaysia adalah di antara segelintir negara-negara di dunia yang telah mengadakan sistem seperti ini. I would like to take this opportunity to thank the Federal Geographic Data Committee of the United States of America (FGDC) for the assistance given to Malaysia in setting up NaLIS. I would also like to thank the Australia New Zealand Land Information Council (ANZLIC) and the members of the GIS Asia Pacific for participating in this convention.

13. Saya dengan ini, merasmikan pelancaran penubuhan Sistem Infrastruktur Kebangsaan bagi Maklumat Tanah (NaLIS). Saya juga berharap Konvensyen ini akan berjalan dengan lancar dan mencapai matlamat yang ditetapkan.